

# Seni mainkan peranan penting dalam ekonomi

**BH** - 5 NOV 2000

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, fungsi seni dalam ekonomi negara adalah penting bagi merealisasikan matlamat membangunkan kesenian dan peradaban yang unggul untuk negara.

Berikutan itu, Perdana Menteri berkata pembaharuan, motivasi penerokaan yang berinovasi tinggi dan cemerlang serta kefahaman berkarya perlu mengambil kira peradaban dunia dan pembaharuan kehidupan kemanusiaan supaya seni itu dapat dipertahankan.

Katanya, seni membantu membentuk nilai baru, termasuk mengubah minda masyarakat di samping berupaya mengintegrasikan masyarakat.

"Peranan seni dapat ditonjolkan sebagai citra negara yang dapat dijadikan teladan dan panduan terutama daripada aspek perkongsian budaya di kalangan rakyat Malaysia y pelbagai kaum.

"Seni yang bermutu tinggi dapat mempamer dan menerapkan ciri keperibadian dan imej nasional. Di sinilah akan lahirnya rasa

kekaguman dan kecintaan rakyat negara ini terhadap warisan seni budayanya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Yayasan Kebudayaan dan Muzium Ibrahim Hussein (IHMCF), di Pantai Pasir Tengkorak, di sini semalam.

Hadir sama, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; pelukis ternama yang juga Pengerusi IHMCF, Datuk Ibrahim Hussein; Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said dan Pengarah Urusan Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), Faiz Ishak.

Perasmian muzium itu sempena Festival Kesenian Antarabangsa Langkawi (Lifa) yang diadakan sejak 26 Oktober lalu.

Kira-kira 200 tokoh seni dan selebriti ternama dunia termasuk La Chunga, satu-satunya penari flamenco yang menari tanpa kasut dari Sepanyol, berada di sini sempena Lifa.

Festival anjuran IHMCF yang mendapat kerjasama kerajaan negeri, Lembaga Pembangunan

Langkawi (Lada), Penerbangan Malaysia (MAS), pengusaha hotel di Langkawi dan NST menjadikan festival itu sebagai tempat pertemuan bersejarah bagi peminat seni dari seluruh dunia.

Dr Mahathir juga berkata, tidak dapat dinafikan bahawa pencapaian dan kejayaan pelukis tanah air mencapai taraf dunia dalam menghasilkan karya telah menjadi milik dan kebanggaan warga antarabangsa.

"Kejayaan ini perlu dipertahankan dan diteruskan. Bakat muda perlu memberanikan diri untuk menjelajah dan meneroka dunia seni dan sanggup menyahut cabaran sebagaimana generasi terdahulu," katanya.

Beliau berkata, prasarana budaya yang canggih yang dibangunkan dalam tempoh tiga tahun lalu seperti Istana Budaya, Dewan Filharmonik Petronas serta yang terbaru, Balai Seni Lukis Negara adalah sumbangan kerajaan kepada usaha membangunkan seni budaya dan seterusnya peradaban dan tamadun negara.